

## Tahap Sikap Guru Bahasa Melayu Mengaplikasikan Pembelajaran Digital dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Syahidah Norezan<sup>1</sup> & Gayatri Marimothu<sup>2\*</sup>

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Malaysia

\*Corresponding email: [gayatri.marimothu@ipgm.edu.my](mailto:gayatri.marimothu@ipgm.edu.my)

**Received:** 15 January 2025; **Accepted:** 15 May 2025; **Published:** 28 May 2025

**To cite this article (APA):** Norezan, S. ., & Marimothu, G. (2025). Tahap sikap guru bahasa melayu mengaplikasikan pembelajaran digital dalam pengajaran bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 18(1), 95-101. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol18.1.10.2025>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol18.1.10.2025>

### Abstrak

Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) mendorong kepada kemajuan pembelajaran digital di Malaysia. Walau bagaimanapun, guru lebih cenderung dalam menggunakan kaedah tradisional berbanding digital. Kajian ini bertujuan mengkaji tahap sikapafektif dan tahap sikap kognitif guru pelatih mengaplikasikan pembelajaran digital dalam pengajaran bahasa Melayu. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan analisis deskriptif. Data dikumpul menggunakan soal selidik berskala 5-likert yang diedarkan kepada 97 orang guru pelatih bahasa Melayu yang dipilih secara rawak mudah. Dapatan kajian menunjukkan min tahap sikap afektif ialah 4.73 (SP=0.397) dan min tahap sikap kognitif ialah 4.63 (SP=0.41). Dapatan menunjukkan kedua-dua tahap sikap afektif dan tahap sikap kognitif adalah tinggi dalam kalangan guru pelatih. Kajian turut memberikan implikasi positif kepada kumpulan berkepentingan iaitu KPM, IPGM, pensyarah dan guru pelatih. Kajian ini turut menyertakan beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan sebagai kajian lanjutan.

**Kata kunci:** Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), pembelajaran digital, tahap sikap afektif, tahap sikap kognitif, bahasa Melayu

### Abstract

*The development of Information and Communication Technology (ICT) encourages the advancement of digital learning in Malaysia. However, teachers are more inclined to use traditional methods than digital. This study aims to examine the level of affective attitude and the level of cognitive attitude of trainee teachers applying digital learning in the teaching of the Malay language. This study is quantitative with descriptive analysis. Data was collected using a 5-likert scale questionnaire that was distributed to 97 Malay language trainee teachers who were selected at random. The findings of the study show that the mean level of affective attitude is 4.73 (SD=0.397) and the mean level of cognitive attitude is 4.63 (SD=0.41). Findings show that both the level of affective attitude and the level of cognitive attitude are high among trainee teachers. The study also gives positive implications to the interested groups, namely KPM, IPGM, lecturers and trainee teachers. This study also includes some recommendations that can be implemented as a follow-up study.*

**Keywords:** Information and Communication Technology (ICT), digital learning, level of affective attitude, level of cognitive attitude, Malay language.

## **PENGENALAN**

Dewasa ini, bidang pendidikan di Malaysia semakin berkembang maju. Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) mendorong peningkatan keberkesanan pengajaran (Mohd Aiman, 2018). Penggunaan TMK selari dengan pembelajaran digital dalam konteks pendidikan. Pembelajaran digital membolehkan penerimaan maklumat daripada pelbagai sumber dengan pantas (Marlya Fatira AK *et al.*, 2021). Konsep Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) yang menerapkan elemen multimedia melalui pembelajaran digital turut menjadi saranan pendidikan (Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, 2020). Penerapan elemen pembelajaran digital ini menjadi pendukung dalam pelaksanaan PAK-21 dan PdPc yang lebih berkesan.

Perkembangan bidang pendigitalan menyediakan pelbagai medium bahan bantu mengajar (BBM) yang boleh digunakan. Hal ini turut mendorong guru untuk menitikberatkan konsep PAK-21 dalam pengendalian PdPc yang dinamik (Shirley *et. al.*, 2022). Penerapan elemen pembelajaran digital dalam sesi PdPc bahasa Melayu akan membantu pemupukan semangat dan tarikan murid. Guru memainkan peranan sebagai pembimbing bagi merangsang murid memahami pembelajaran melalui aplikasi terkini dan interaktif. Hal ini turut selaras dengan keperluan kini yang menggunakan teknologi digital dalam aktiviti harian (Marlya Fatira AK *et al.*, 2021). Oleh itu, penerapan pembelajaran digital menunjukkan kepentingan dan keberkesanannya dalam menyokong proses PdPc.

Kepelbagaian penggunaan aplikasi digital seharusnya diterapkan dalam kalangan guru pelatih seawal peringkat pembelajaran. Penerapan ilmu pedagogi yang berkesan memberikan peluang pemantapan PdPc dalam kalangan guru pelatih (Ramli *et. al.*, 2019). Walau bagaimanapun, kadar penggunaan pembelajaran digital sebagai BBM dalam proses PdPc masih berada pada tahap yang rendah dan tidak konsisten. Corak pendidikan yang sentiasa berubah sepatutnya menjadi perangsang bagi para guru dalam mempelbagaikan sumber pengajaran (Shirley *et. al.*, 2022). Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada penilaian tahap sikap guru pelatih bahasa Melayu mengaplikasikan pembelajaran digital dalam pengajaran bahasa Melayu.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Perkembangan pembelajaran digital merupakan sesuatu yang tidak lagi asing. Perkembangan ini melibatkan bidang pendidikan dengan kemunculan pelbagai bentuk aplikasi dan kemudahan baharu. Penerapan TMK dalam pengajaran bahasa Melayu juga menunjukkan impak yang positif terhadap murid dan guru untuk lebih tertarik dan digunakan dalam proses PdPc (Logambigai Bakthaselman *et al.*, 2022). Oleh itu, perkembangan pembelajaran digital dapat memberikan pelbagai peluang dan manfaat kepada bidang pendidikan dan secara khusus kepada pengajaran bahasa Melayu di sekolah.

Walaupun bagaimanapun, perkembangan pembelajaran digital belum digunakan secara menyeluruh. Terdapat guru yang lebih gemar menggunakan kaedah pengajaran tradisional yang kelihatan lebih mudah (Kayalvili Munusamy *et al.*, 2022). Guru juga menghadapi masalah dalam penerapan TMK ketika proses PdPc (Mazarul Hasan *et. al.*, 2022). Faktor kurang kemudahan seperti capaian Internet yang lemah dan kekurangan peranti elektronik juga menjadi punca kesukaran tersebut (Mohd Norakmar Omar *et al.*, 2021). Hal ini turut didorong oleh faktor guru yang kurang berkemahiran dalam pengaplikasian digital (Angelia Nicholas *et. al.*, 2022). Keadaan ini menjadikan penerapan pembelajaran digital rumit dan kurang diaplikasikan. Isu- isu ini telah menimbulkan persoalan penerimaan pendigitalan dalam kalangan pendidik. Oleh itu, kajian ini menilai tahap sikap afektif dan kognitif guru pelatih terhadap pengaplikasian pembelajaran digital dalam pengajaran bahasa Melayu.

## **OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN**

Objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menenal pasti tahap sikap afektif guru pelatih terhadap pengaplikasian pembelajaran digital dalam pengajaran bahasa Melayu.
- ii. Menenal pasti tahap sikap kognitif guru pelatih terhadap pengaplikasian pembelajaran digital dalam pengajaran bahasa Melayu.

Persoalan bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah tahap sikap afektif guru pelatih terhadap pengaplikasian pembelajaran digital dalam pengajaran bahasa Melayu?
- ii. Apakah tahap sikap kognitif guru pelatih terhadap pengaplikasian pembelajaran digital dalam pengajaran bahasa Melayu?

## **METODOLOGI**

Kajian ini melibatkan 97 orang guru pelatih bahasa Melayu ambilan Jun 2020 yang telah mengikuti praktikum fasa pertama berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) secara rawak mudah. Kajian ini turut menggunakan Model Penerimaan Teknologi sebagai model sandaran utama dengan menggunakan pendekatan kajian tinjauan. Kesahan muka dan kandungan instrumen soal selidik dijalankan dengan semakan oleh tiga orang pakar. Kebolehpercayaan kajian pula menunjukkan Nilai Cronbach Alpha yang tinggi iaitu 0.928. Penganalisan data dilaksanakan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0 secara deskriptif berdasarkan nilai frekuensi, min dan sisihan piawai. Analisis dihurai secara menyeluruh dapatan kajian dan menjawab persoalan kajian.

### **Instrumen**

Soal selidik bagi kajian ini adalah adaptasi daripada soalan Attitude Motivation Test Battery (AMTB) berdasarkan kajian Mahanorsasa Muntahar (2012) dengan memfokuskan kepada sikap afektif dan kognitif. Soal selidik dipadankan dengan definisi operasional dan tujuan kajian, seiring menggunakan skala likert 5 sebagai jawapan. Soal selidik melibatkan tiga bahagian utama iaitu demografi responden, tahap sikap afektif dan tahap sikap kognitif. Bahagian A terdiri daripada 2 item mengenai latar belakang responden iaitu jantina dan lokasi sekolah. Bahagian B pula melibatkan 10 item bersifat positif mengenai tahap sikap afektif. Bahagian C juga melibatkan 10 item bersifat positif mengenai tahap sikap kognitif. Keseluruhan soal selidik melibatkan 22 item bagi kajian ini.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan dan perbincangan menjawab dua objektif kajian iaitu tahap sikap afektif dan kognitif guru pelatih terhadap pengaplikasian pembelajaran digital dalam pengajaran bahasa Melayu.

### **Tahap Sikap Afektif Guru Pelatih Terhadap Pengaplikasian Pembelajaran Digital dalam Pengajaran Bahasa Melayu**

Jadual 1. Min dan Sisihan Piawai bagi Item Tahap Sikap Afektif

No Item	Sikap Afektif	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
B1	Saya suka menggunakan pembelajaran digital.	4.67	0.473
B2	Saya minat menggunakan pembelajaran digital.	4.67	0.473
B3	Saya gembira menggunakan pembelajaran digital.	4.64	0.504
B4	Saya senang menggunakan pembelajaran digital.	4.55	0.559
B5	Saya berani menggunakan pembelajaran digital.	4.58	0.517
B6	Saya teruja menggunakan pembelajaran digital.	4.64	0.483
B7	Saya berasa yakin menggunakan pembelajaran digital.	4.56	0.558
B8	Saya seronok menggunakan pembelajaran digital.	4.64	0.483
B9	Saya sentiasa bersedia untuk menggunakan pembelajaran digital.	4.63	0.507
B10	Saya harap dapat menggunakan pembelajaran digital dengan baik sekali.	4.65	0.501

Berdasar jadual 1, terdapat tiga item yang mempunyai nilai min tertinggi iaitu item B1 (Saya suka menggunakan pembelajaran digital),  $M=4.67$ ,  $SP=0.473$ ; item B2 (Saya minat menggunakan pembelajaran digital),  $M=4.67$ ,  $SP=0.473$  dan item B10 (Saya harap dapat menggunakan pembelajaran digital dengan baik sekali),  $M=4.65$ ,  $SP=0.501$ . Manakala tiga item yang mempunyai nilai min terendah ialah item B5 (Saya berani menggunakan pembelajaran digital),  $M=4.58$ ,  $SP=0.517$ ; item B7 (Sayaberasayakin menggunakan pembelajaran digital),  $M=4.56$ ,  $SP=0.558$  dan item B4 (Saya senang menggunakan pembelajaran digital),  $M=4.55$ ,  $SP=0.559$ . Secara keseluruhannya, tahap sikap afektif guru pelatih adalah tinggi dengan skor min 4.62,  $SP=0.397$ .

Dapatan kajian ini selari dengan kajian Siti Hajar Halili *et al.*, (2016) yang menyatakan guru bersikap positif terhadap penerimaan pelaksanaan TMK dalam pengajaran bahasa Tamil. Galakan pelaksanaan digital juga disarankan bagi meningkatkan keberkesanannya. Dapatan ini turut sependapat dengan kajian Ching (2021) yang menyatakan para guru pelatih menerima penggunaan aplikasi *Jamboard*. Hal ini menunjukkan bahawa aplikasi digital semakin diterima dalam proses PdPc. Kajian oleh Norhisham Muhamad *et al.* (2021) juga selari dengan dapatan kajian yang menyatakan guru bersikap positif terhadap penggunaan multimedia dalam PdP al- Quran. Kajian ini membuktikan sikap afektif membentuk penerimaan terhadap sesuatu perkara merangkumi pembelajaran digital. Oleh itu, dapatan kajian adalah selari dengan sokongan kajian lampau yang menyatakansikap afektif guru pelatih adalah pada tahap yang tinggi.

**Tahap Sikap Kognitif Guru Pelatih Terhadap Pengaplikasian Pembelajaran Digital dalam Pengajaran Bahasa Melayu**

**Jadual 2.** Min dan Sisihan Piawai bagi Item Tahap Sikap Kognitif

No Item	Sikap Kognitif	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
C1	Saya menggunakan pembelajaran digital agar murid berasa seronok.	4.69	0.465
C2	Saya menggunakan pembelajaran digital supaya murid aktif di dalam kelas.	4.72	0.451
C3	Saya faham bahawa pembelajaran digital mampu menarik minat murid.	4.61	0.531
C4	Saya menggunakan pembelajaran digital supaya pengajaran mudah difahami oleh murid.	4.57	0.538
C5	Saya mengaplikasikan pembelajaran digital untuk mewujudkan pengajaran interaktif.	4.68	0.511
C6	Saya mengaplikasikan pembelajaran digital untuk mempelbagaikan cara pengajaran.	4.62	0.509
C7	Saya mengaplikasikan pembelajaran digital supaya pengajaran tidak membosankan.	4.65	0.501
C8	Saya mengaplikasikan pembelajaran digital agar dapat mendokumentasikan bahan pengajaran.	4.54	0.560
C9	Saya menggunakan pembelajaran digital untuk menyampaikan pengajaran secara visual.	4.61	0.531
C10	Saya memahami bahawa pengajaran digital penting dalam meningkatkan kemahiran saya.	4.58	0.537

Berdasarkan jadual 2, terdapat tiga item yang mempunyai nilai min tertinggi iaitu item C2 (Saya menggunakan pembelajaran digital supaya murid aktif di dalam kelas),  $M=4.72$ ,  $SP=0.451$ ; item C1 (Saya menggunakan pembelajaran digital agar murid berasa seronok),  $M=4.69$ ,  $SP=0.465$  dan item C5 (Saya mengaplikasikan pembelajaran digital untuk mewujudkan pengajaran interaktif),  $M=4.68$ ,  $SP=0.511$ . Manakala tiga item yang mempunyai nilai min terendah ialah item C10 (Saya memahami bahawa pengajaran digital penting dalam meningkatkan kemahiran saya),  $M=4.58$ ,  $SP=0.537$ ; item C4 (Saya menggunakan pembelajaran digital supaya pengajaran mudah difahami oleh murid),  $M=4.57$ ,  $SP=0.538$ ; dan item C8 (Saya mengaplikasikan pembelajaran digital agar dapat mendokumentasikan bahan pengajaran),  $M=4.54$ ,  $SP=0.560$ . Secara keseluruhannya, tahap sikap kognitif guru pelatih adalah tinggi dengan skor min 4.63,  $SP=0.41$ .

Dapatan kajian ini sependapat dengan kajian Nur Syarafina Abdul Rahman *et al.*, (2020) yang menyatakan kemahuan penggunaan terhadap teknologi menjadi faktor utama yang mendorong pengaplikasiannya. Pengkaji turut berpendapat kemahuan yang tinggi akan membentuk sikap kognitif yang positif, seiring kepercayaan terhadap pembelajaran digital juga menjadi pendorong utama terhadap kemahuan penggunaannya. Kajian oleh Nur Qomariah Panjaitan *et al.*, (2020) juga selari dengan

menyatakan keberkesanan media digital animasi berbanding media digital *stroytelling* dalam membina kepercayaan diri murid. Hal ini merumuskan bahawa pengaplikasian pembelajaran digital secara visual dapat meningkatkan penglibatan murid ketika praktikum. Oleh itu, dapatan kajian adalah selari dengan sikap kognitif terhadap pembelajaran digital yang terangkum dalam soal selidik.

## **KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI**

Kesimpulannya, dapatan kajian mendapati tahap sikap afektif dan kognitif guru pelatih terhadap pengaplikasian pembelajaran digital dalam pengajaran bahasa Melayu adalah tinggi iaitu  $M=4.62$ ,  $SP=0.397$  dan  $M=4.63$ ,  $SP=0.41$ . Dapatan ini turut selaras dengan keperluan pendigitalan terkini. Kajian ini juga memberi implikasi terhadap teori dengan mendukung Model Penerimaan Teknologi kerana sikap dan persepsi pengguna dapat diperhatikan dalam mengadaptasi teknologi ketika PdP. Hal ini mewujudkan kerelevanan dan hubungan terhadap sikap dan penggunaan sesebuah teknologi. Kajian ini juga memberikan pengetahuan mengenai kelompok guru pelatih yang perlu diterapkan sikap positif terhadap pendigitalan dengan mencipta peluang pembelajaran yang aktif dan kolaboratif.

Kajian ini turut memberi implikasi terhadap amalan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk merangka inisiatif berdasarkan dapatan kajian. Implikasi terhadap Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pula wujud dengan menggalakkan penyusunan silibus yang lebih bersesuaian. Implikasi terhadap pensyarah pula sebagai panduan bagi pendigitalan pengajaran. Implikasi terhadap amalan guru pelatih pula menggalakkan peningkatan kemahiran pendigitalan. Seiringitu, kajian lanjutan disarankan untuk merangkumi sikap konatif guru pelatih terhadap penggunaan digital dalam pengajaran. Saranan juga melibatkan penggunaan teori kajian dengan lebih menyeluruh serta menilai faktor pemboleh ubah luaran. Saranaturut dibuat untuk menilai sikap guru bahasa Melayu yang sedang bertugas di sekolah. Konklusinya, sikap afektif dan kognitif pendidik terhadap pembelajaran digital adalah penting agar sistem pendidikan dapat berkembang maju.

## **RUJUKAN**

- Angelia Nicholas Batan & Khairul Jamaludin. (2022). Cabaran Mengaplikasi Kaedah E-Pembelajaran di Sekolah Luar Bandar Semasa Pandemik Covid-19: Dari Perspektif Guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 1-15.
- Ching, M. C. H. (2021). Tahap penerimaan Google Jamboard sebagai alat digital dalam e-pembelajaran: Satu kajian. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 9(2), 34-45.
- Kayalvili Munusamy & Khairul Azhar Jamaludin. (2022). Cabaran Guru Untuk Mengintegrasikan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) Bagi Meningkatkan Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 265-273.
- Logambigai Bakthasvelvan, Muhammad Saiful Haq Bin Hussin, Wong Seng Yue. (2022). Pengintegrasian Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) dalam Pendidikan Bahasa Melayu: Pandemik Covid-19. *Jurnal Melayu Sedunia*, 5(1), 55-68.
- Mahanorsasa Muntahar. (2012). *Korelasi antara sikap, motivasi dan kerisauan bahasapelajar dengan pencapaian mata pelajaran bahasa Inggeris*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marlya Fatira AK, Ferawati, Satya Darmayani, Sandriana Juliana Nendissa, Opan Arifudin, Filia Dina Anggaraeni, Rudy Hidana, Nurhana Marantika, Nur Arisah, Nazaruddin Ahmad, Rinanda Febriani, Febria Sri Handayani. (2021). *Pembelajaran Digital*. Penerbit Widhina Bakti Persada Bandung.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria, Nurul Nadia Mokhtar, Kama Shaffeei, Mohd Ridhuan Mohd Jamil. (2022). Kefahaman dan Penerimaan Pengintegrasian Teknologi Maklumat Komunikasi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Matematik Guru Sekolah Rendah. *Journal of Education*, 7(46).
- Mohd Aiman. (2018). *Peranan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (Tmk) Sebagai Pendorong Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang Berkesan*. Sarjana Muda Pengajaran (Pendidikan Rendah) Dengan Kepujian, Open University Malaysia.

- Mohd Norakmar Omar, Siti Noor Ismail, Mohan Rathakrishnan. (2021). Penggunaan Teknologi Mudah Alih Bagi Menjana Pembelajaran Digital Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *International Journal of Education, Islamic Studies And Social Science Research*, 6(1), 71-85.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi. (2020). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan: Transformation of Multimedia Teaching and Learning in Islamic Education: A Discussion. *Journal of ICT in Education*, 7(2), 14-26.
- Norhisham Muhamad, Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, Norhasniza Daud. (2021). Tahap Kemahiran dan Sikap Guru Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Murid Autisme. *Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(2).
- Nur Qomariah Panjaitan, Elindra Yetti, Yuliani Nurani. (2020). Pengaruh media pembelajaran digital animasi dan kepercayaan diri terhadap hasil belajar pendidikan agama islam anak. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 4(2), 588-596.
- Nur Syarafina Abdul Rahman, Zainal Fitri Mohd Zolkifli, Ying Leh Ling. (2020). Kepentingan kemudahan teknologi dan motivasi membentuk kesedaran pelajar dalam pembelajaran digital. In *National Research Innovation Conference (NRICon 2020)*, Kuching, Sarawak, Oktober.
- Ramli, S., Ghani, M. T. A., Atoh, N., & Romli, T. R. M. (2019). Integrasi elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berasaskan kit media dalam amalan pembelajaran dan pemudahcaraan guru pelatih bahasa arab. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 33-44.
- Shirley Sian Anak Jampong & Ruhizan Binti Mohammad Yasin. (2022). Keberkesanan Animasi Powtoon dalam Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Iban dan Impaknya Terhadap Motivasi Pelajar Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7).
- Siti Hajar Halili, Suguneswary. (2017). Penerimaan guru terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi berasaskan model Tam dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Tamil. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 31-41.